

**KOPUTRA**

كوپوترا قلابوران كاكيتاغن بنگك معاملات مليسيا برحد
Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
RUJ.JPK/WP : 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO.88

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK BSKE KOPUTRA

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Buku Simpanan Kelana Emas – Akaun Emas.

Sila baca Terma & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma.

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

• **Buku Simpanan Kelana Emas (BSKE)** – Akaun Emas adalah produk emas yang patuh Syariah yang memberi peluang kepada pelanggan untuk menyertai pasaran komoditi logam bernilai. Pulangan anda adalah melalui kenaikan harga modal emas pembelian awal anda.

BSKE – Akaun Emas ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

• Produk ini bertujuan menggalakkan penghasilan harta, pengumpulan harta dan pengagihan harta di kalangan para pelanggan. Ini adalah sebuah produk yang unik dan mempunyai pelbagai khidmat tambahan untuk memastikan kepuasan dan keberkesanan pengalaman pelanggan.

• Buku Simpanan Kelana Emas ini membolehkan pelanggan untuk membeli emas daripada pihak Koperasi dan membenarkan pihak Koperasi untuk menyimpan emas tersebut. Transaksi ini boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seperti melalui kaunter, melalui sistem atas talian, ataupun melalui arahan pembayaran tetap secara berkala.

• Para pelanggan juga boleh menjual emas melalui Akaun Emas masing-masing dan juga menukarkan Akaun Emas ke dalam bentuk fizikal. Satu lagi ciri menarik di dalam produk ini ialah pelanggan boleh memindah-milik emas daripada satu akaun kepada akaun yang lain tanpa menjual emas tersebut.

• Hakmilik emas para pelanggan akan direkodkan di dalam sistem buku simpanan kelana emas. Pelanggan akan membuat pembayaran dengan serta-merta atas transaksi pembelian dan akan dikreditkan dengan serta-merta bagi mana-mana transaksi jualan

Konsep utama Syariah yang digunakan adalah:

Bai' Sarf - Merujuk kepada penjualan mata wang. Secara teknikal, ia adalah penjualan wang untuk wang seperti penjualan emas untuk emas dan perak untuk perak. Di bawah kontrak Bai' Sarf, pelanggan akan membeli emas daripada pihak Koperasi di dalam gram pada harga belian (dalam Ringgit Malaysia) di mana harga belian emas tersebut akan ditetapkan dan disebut oleh pihak Koperasi di bawah Harga Jualan dan pihak Koperasi akan membeli semula emas tersebut daripada pelanggan semasa penebusan/jualan pada harga jualan emas (dalam Ringgit Malaysia) di mana harga jualan akan ditentukan dan disebut oleh pihak Koperasi di bawah Harga Belian.

Wadi'ah - Merujuk kepada kontrak di mana aset diletakkan dengan pihak yang lain untuk disimpan dengan selamat. Dalam kontrak Wadi'ah, terdapat penjaga (wadi'); dan pendeposit simpanan (mudi') bagi aset tersebut (secara kolektif dirujuk sebagai "pihak berkontrak"). Mana-mana pihak bagi suatu kontrak Wadi'ah boleh memasuki kontrak Wadi'ah melalui ejen (wakil).

**KOPUTRA**

كوپراسي قلابوران كاكيتاغن بئك معاملات مليسيا برحد
Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
RUJ.JPK/WP : 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO.88

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK BSKE KOPUTRA

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Buku Simpanan Kelana Emas – Akaun Emas.

Sila baca Terma & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau tema-tema.

Wa'd - Merujuk kepada janji atau akujanji, merujuk kepada satu ungkapan terhadap komitmen yang diberikan oleh salah satu pihak kepada yang lain untuk melaksanakan sesuatu tindakan pada masa akan datang. Wa'd akan digunakan dalam kes di mana Koperasi menyediakan akujanji kepada pelanggan untuk belian semula emas. Ini mungkin ditawarkan melalui promosi seperti yang ditetapkan oleh Koperasi.

Hibah - Merujuk kepada pemindahan hak milik aset dari penderma (wahib) kepada penerima (mawhub lahu) tanpa sebarang pertimbangan. Hibah merupakan kontrak unilateral yang boleh dimansuhkan oleh penderma sebelum penerima mengambil alih pemilikan aset hibah tersebut. Sebaik sahaja penerima mengambil alih pemilikan, hibah tersebut tidak boleh dimansuhkan. Jika pelanggan ingin membeli emas dan memberinya kepada pihak ketiga sebagai Hadiah, perubahan pemilikan emas akan dianggap sebagai Hibah (Hadiah).

Pihak yang terlibat di dalam transaksi BSKE – Akaun Emas:

Pihak Koperasi:

- Sebagai Penjual – Menjual emas tersebut kepada pelanggan.
- Sebagai Pembeli – Membeli semula emas tersebut daripada pelanggan semasa transaksi penebusan/jualan.

Pelanggan:

- Sebagai Pembeli – Pelanggan membeli emas daripada pihak Koperasi.
- Sebagai Penjual – Pelanggan menjual emas kepada pihak Koperasi semasa transaksi penebusan/jualan.

2. Siapakah yang sesuai untuk produk ini?

(a) Kelayakan Individu:

- Individu / Ahli Koperasi yang telah mencapai umur 18 tahun.
- Akaun bersama adalah tidak dibenarkan.

Note:/Nota:

- Kriteria di atas adalah tertakluk kepada polisi Koperasi dari semasa ke semasa.
- Pelanggan, sama ada individu, adalah tertakluk kepada penilaian kesesuaian pelanggan.

(b) Objektif Pulangan

Produk ini tidak menjamin sebarang keuntungan. Keuntungan anda adalah daripada potensi peningkatan nilai modal jumlah emas anda.

(c) Emas Prinsipal

Prinsipal tersebut adalah tertakluk kepada ketidaktentuan pasaran emas dan kebarangkalian mengakibatkan kemerosotan nilai emas.

**KOPUTRA**كوپوترا قلابوران كاكيتاغن بنگك معاملات مليسيا برحد
Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
RUJ.JPK/WP : 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO.88**RISALAH PENDEDAHAN PRODUK BSKE
KOPUTRA**

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Buku Simpanan Kelana Emas – Akaun Emas.

Sila baca Terma & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau tema-tema.

3. Apakah yang dibeli oleh saya?

Perkara	Penerangan
Pembelian Minima	Individu : RM 10 bersamaan nilai semasa emas dalam bentuk gram
Ketulenan Emas	99.99% Malaysian Ringgit (MYR) / Ringgit Malaysia (RM)

Kaedah dan Panduan Jual Beli Emas

i) Urusniaga di kaunter

Pelanggan boleh berkunjung ke cawangan Ar Rahn Koperasi berhampiran untuk membeli emas berasaskan Akaun Emas.

ii) Pembelian/penjualan atas talian

Pembelian/penjualan melalui atas talian merujuk kepada penjualan atau pembelian emas oleh Koperasi melalui sistem atas talian melalui laman sesawang kami. Urus niaga atas talian hendaklah membenarkan pelanggan untuk membeli atau menjual emas. Penjualan atas talian hanya beroperasi pada hari perniagaan bermula dari pukul 9.30 pagi sehingga 4.00 petang sahaja. Sebagai prasyarat untuk pembelian Akaun Emas, pelanggan dikehendaki untuk membuka Akaun Simpanan dengan Koperasi (menjadi ahli Koperasi).

Pelanggan akan ditawarkan dengan empat pilihan tambahan tentang pembelian emas melalui Akaun Simpanan dan semasa pelanggan. Empat pilihan tersebut adalah seperti berikut:

- Pindahan Dana Automatik (PDA) atau Arahan Tetap (AT) untuk mendebit Akaun Simpanan dan Semasa secara berulang pada tarikh yang dipilih secara berkala. Ini mungkin berlaku pada setiap hari, minggu, bulan, suku atau setengah tahunan, atau tahunan dengan jumlah yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Jumlah tetap dari Akaun Simpanan dan Semasa akan ditukar kepada kuantiti emas pada harga semasa pada tarikh PDA atau AT.
- PDA atau AT bagi keuntungan terakru di bawah Akaun Simpanan dengan Koperasi akan ditukarkan kepada kuantiti emas pada harga semasa pada tarikh PDA atau AT.
- Anggota boleh membuat pembelian emas secara potongan modal yuran mengikut aturan potongan modal yuran yang telah diluluskan.
- Pembelian BSKE melalui potongan gaji secara berkala oleh pelanggan.

**KOPUTRA**

كوپوترا قلابوران كاكيتاغن بنگك معاملات مليسيا برحد
Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
RUJ.JPK/WP : 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO.88

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK BSKE KOPUTRA

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Buku Simpanan Kelana Emas – Akaun Emas.

Sila baca Terma & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau tema-tema.

iii) Penukaran BSKE kepada Emas Fizikal

Ini merujuk kepada pertukaran emas yang terdapat di dalam Akaun Emas kepada Emas Fizikal. Bagi melaksanakan transaksi ini, pelanggan hendaklah ke cawangan Ar Rahnu Koperasi dan membuat transaksi jualan emas dari sistem Buku Simpanan Kelana Emas pada harga semasa dan mendapatkan tunai. Kemudian, pelanggan boleh membeli Emas Fizikal pada harga semasa dengan menggunakan tunai tersebut.

iv) Pemindahan Emas daripada seorang pemegang akaun kepada yang lain

Ini merujuk kepada pemindahan emas berasaskan Hibah, daripada seorang pemegang akaun kepada yang lain, tanpa apa-apa transaksi penjualan. Ini boleh memenuhi impian ibu bapa untuk menghadiahkan emas mereka kepada anak-anak atau pasangan menghadiahkan emas antara satu sama lain atau bahkan boleh dilanjutkan kepada pelanggan-pelanggan korporat yang ingin memindahkan emas kepada akaun emas kakitangan mereka sebagai ganjaran atau hadiah. Pemindahan ini akan menyebabkan pemilikan emas dipindahkan daripada pemindah (pemilik asal) kepada penerima pindah milik (pemilik baru). Ini tertakluk bahawa pemilik baharu sudah mempunyai Akaun Simpanan Emas dengan Koperasi.

Penebusan / Jualan Emas

Penebusan emas boleh dilakukan di cawangan Ar Rahnu Koperasi atau melalui atas talian yang beroperasi pada hari perniagaan bermula dari pukul 9.30 pagi sehingga 4.00 petang.

Syarat bagi penebusan/ jualan Akaun Emas:

- i. Hanya boleh dilakukan oleh orang/entiti yang berdaftar di bawah rekod sebagai pembeli/pemilik emas;
- ii. Anda mestilah menyerahkan MyKad anda, dan Borang Kebenaran Jualan BSKE yang lengkap.
- iii. Butir-butir Akaun Emas (denominasi, dan lain-lain) mestilah bersamaan dengan rekod pihak Koperasi.
- iv. Jumlah jualan akan dikreditkan ke dalam akaun bank pelanggan atau Tunai.
- v. Penebusan sebahagian adalah dibenarkan.



KOPUTRA

كوپوترا سي قلابوران كاكيتاغن بنگك معاملات مليسيا برحد
Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
RUJ.JPK/WP : 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO.88

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK BSKE KOPUTRA

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Buku Simpanan Kelana Emas – Akaun Emas.

Sila baca Terma & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau tema-tema.

Penebusan / Jualan Minima Emas	Serendah RM10 bersamaan harga emas semasa dalam bentuk gram
Harga Jualan & Belian (Harga Emas)	<ul style="list-style-type: none">• Harga Jualan & Belian akan dinyatakan setiap hari semasa waktu pejabat di dalam Ringgit Malaysia (RM) oleh pihak Koperasi.• Harga Jualan menandakan harga di mana pihak Koperasi menjual Emas kepada pelanggan. Harga Belian menandakan harga di mana pihak Koperasi membeli Emas daripada pelanggan.• Harga Jualan & Belian akan dipamerkan di ruang kedai Ar Rahnū Koperasi dan di www.koputra.com.my.• Harga Belian dan Jualan sebenar akan ditentukan ketika transaksi sebenar dilaksanakan melalui sistem buku simpanan kelana emas.
Hari Perniagaan	Mengikut waktu dan hari bekerja biasa cawangan Ar Rahnū.
Dokumen yang Diperlukan Untuk Pembelian	<ul style="list-style-type: none">• Borang Pembukaan Akaun Emas BSKE/ Borang Belian BSKE• Mykad
Dokumen yang Diperlukan Untuk Penjualan	<ul style="list-style-type: none">• MyKad• Borang Kebenaran Jualan BSKE• Selain daripada yang di atas, anda juga mestilah mengemukakan dokumen lain seperti yang diperlukan oleh Koperasi.
Terma dan Syarat Utama	Pembelian Emas <ul style="list-style-type: none">• Individu yang telah mencapai umur 18 tahun.

- Setiap pembelian/penjualan Akaun Emas BSKE, pelanggan akan diberikan Resit Rasmi dari sistem BSKE dan Penyata Akaun Emas pelanggan.

**KOPUTRA**

كوپراسي قلابوران كاكيتاغن بنگك معاملات مليسيا برحد
Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
RUJ.JPK/WP : 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO.88

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK BSKE KOPUTRA

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Buku Simpanan Kelana Emas – Akaun Emas.

Sila baca Terma & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau tema-tema.

Penukaran Emas

- Ia merujuk kepada penukaran dari Akaun Emas kepada Emas Fizikal sahaja. Penukaran yang dibenarkan adalah 5, 10, dan 20 gram tertakluk kepada jongsong emas yang ada di cawangan tersebut.
- Pihak Koperasi tidak menawarkan khidmat penukaran Emas Fizikal kepada Akaun Emas. Walau bagaimanapun, pelanggan boleh menjual Emas Fizikal dan membeli Akaun Emas pada harga pasaran semasa.

4. Apakah risiko utama yang dikaitkan dengan produk ini?

(a) Risiko Pasaran

Pelbagai faktor akan menjejaskan nilai BSKE– Akaun Emas, termasuk keadaan pasaran, sentimen dan keyakinan pelabur, kadar keuntungan, pertukaran nilai matawang, kadar inflasi, perniagaan, ekonomi, politik, kewangan, sosial, alam sekitar dan faktor-faktor tempatan dan global yang lain. Nilai rujukan sedemikian tertakluk kepada perubahan dan tidak tetap. Perubahan harga, peringkat atau nilai tersebut adalah tidak boleh diramal. Ia berlaku secara tiba-tiba dan mempunyai kesan yang besar di mana boleh mengakibatkan harga, peringkat atau nilai tersebut bergerak secara bertentangan dengan kepentingan anda dan secara negatif mempengaruhi pulangan BSKE– Akaun Emas. Anda terdedah kepada perubahan dalam nilai-nilai rujukan tersebut antara masa anda membuat pelaburan dan masa penebusan. Prestasi masa lalu tidak menunjukkan pulangan pada masa hadapan.

(b) Risiko Undang-undang

Jika terdapat apa-apa keingkaran oleh Koperasi tentang kewajipan-kewajipannya di bawah BSKE – Akaun Emas, penguatkuasaan hak anda terhadap Koperasi akan tertakluk kepada terma dan syarat BSKE – Akaun Emas, undang-undang dan bidang kuasa yang terpakai. Prosiding penguatkuasaan tentang keingkaran sedemikian mungkin membabitkan kos yang tinggi dan memerlukan masa yang lama serta keputusan prosiding itu tidak memulihkan sepenuhnya sebarang tuntutan atau kerugian yang dialami oleh anda. Penguatkuasaan mungkin terhad kepada:

- Kebankrapan, insolvensi, pembubaran, penyusunan semula dan undang-undang lain yang diterima pakai umum yang berkaitan dengan atau mempengaruhi hak pemiutang;
- prinsip umum ekuiti – sebagai contoh, remedi ekuiti mungkin tidak wujud sekiranya pampasan adalah menjadi satu remedi yang mencukupi; dan
- di mana kewajipan Koperasi adalah untuk dilaksanakan di dalam bidang kuasa di luar Malaysia, ia mungkin tidak boleh dikuatkuasakan di Malaysia setakat mana mahkamah Malaysia mendapati bahawa prestasi tersebut akan menyalahi undang-undang dalam bidang kuasa itu atau bertentangan dengan polisi awam di Malaysia.

**KOPUTRA**كوپوترا سي قلابوران كاكيتاغن بئك معاملات ماليسيا برحد
Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
RUJ.JPK/WP : 1/1 (UUK)/288/93/(3).BIL.DAFTAR KOOP NEGARA NO.88

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK BSKE KOPUTRA

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Buku Simpanan Kelana Emas – Akaun Emas.

Sila baca Tema & Syarat produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau tema-tema.

(c) Risiko Perubahan terhadap Undang-undang (termasuk, Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran dan Interpretasi Syariah)

Ini mungkin mempunyai kesan buruk ke atas penilaian, harga dan/atau kecairan transaksi disebabkan perubahan undang-undang.

5. Apakah yuran dan caj yang terlibat

Yuran Penukaran bagi pertukaran emas (Akaun Emas kepada Emas Fizikal) adalah tertakluk kepada turun naik harga emas.

Formula penukaran bayaran adalah seperti di bawah:-

Fees & Charges / Fi & Caj	Amount / Jumlah
Storage Fee / Fi Simpanan	Nil / Tiada

Note / Nota:

o Pihak Koperasi akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuatkuasa sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini.

Harga setiap gram bagi pembelian yang dibuat oleh pelanggan adalah harga jualan semasa yang disebut oleh pihak Koperasi kepada pelanggan pada masa pelanggan membuat pembelian. Harga jualan yang disebut akan ditentukan oleh pihak Koperasi menurut budi bicara tunggal dan mutlak pihak Koperasi mengikut prinsip-prinsip Syariah, dengan mengambil kira semua faktor yang pihak Koperasi anggap relevan termasuk keadaan semasa pasaran emas dunia dan tempatan serta ketulenan emas. Pembelian akan dibuat pada hari perniagaan selepas pihak Koperasi menerima pengesahan dari unit akaun berkenaan kemasukan amaun pembayaran ke dalam akaun Koperasi.

6. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?

Untuk memastikan sebarang surat-menyurat diterima tepat pada masanya, sila hubungi pihak KOPUTRA dengan segera sekiranya berlaku perubahan maklumat / aduan atau berjumpa dengan pegawai KOPUTRA seperti berikut :

Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad

Wisma KOPUTRA, No. 43-A & 43-B

Jalan Sungai Besi Indah 1/19, Taman Sungai Besi Indah,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-89419770 / 03-89662477

Fax : 03-89392079

Email : admin@koputra.com.my

AMARAN:

PULANGAN BSKE – AKAUN EMAS INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI